

Firma penyelidikan kekalkan unjuran pendapatan Sunway Construction

Hasil perolehan kontrak RM268 juta

KUALA LUMPUR: Beberapa firma penyelidikan mengekalkan unjuran pendapatan masing-masing ke atas Sunway Construction Group Bhd berikutan perolehan kontrak bercagar RM268 juta untuk kerja pembinaan utama di International School Kuala Lumpur (ISKL) di Ampang.

Projek terbaharu ini menjadikan kontrak bercagar Sunway Construction setakat ini, tahun ini kepada RM2.4 bilion dan meningkatkan nilai pemerolehan dalam tangannya sebanyak enam peratus kepada RM4.9 bilion, kata empat firma penyelidikan.

Maybank IB Research, Hong

Leong Investment Bank (HLIB), Kenanga Research dan AllianceDBS Research berkata angka berkenaan adalah dalam jangkaan memandangkan kontrak ISKL adalah selaras dengan sasaran Sunway Construction untuk memperolehi RM2.5 bilion projek dalam tahun kewangan semasa berakhir 31

Dis, 2016.

AllianceDBS Research berkata ia mengekalkan pendapatan FY16-FY18 ke atas Sunway Construction, walaupun terdapat kebarangkalian tinggi ia akan melebihi RM2.5 bilion pemerolehan projek yang dijangkakan dalam tahun kewangan tersebut.

"Kami menganggap tiada lagi kontrak yang dimenangi oleh bahagian pembinaan, namun tambahan RM300 juta bagi bahagian pratuang.

Ia berkata potensi peningkatan nilai daripada projek lebuh raya Sunway Construction di India untuk National Highway Authority of India berjumlah

RM40 juta, mampu meningkatkan unjuran pendapatan AllianceDBS bagi 2016.

Maybank IB Research menjangkakan Sunway Construction berpotensi meraih projek Transit Aliran Ringan Lembah Klang 3, Tun Razak Exchange dan landasan kereta api berkembar Gemas-Johor Baha-

ru. "Ini mungkin diperoleh pada 2017," katanya.

HLIB berkata ia terus memilih Sunway Construction atas pulangan ke atas ekuiti yang tinggi selain lembaran imbangannya yang sihat dengan kedudukan tunai bersih sebanyak RM298 juta.- Bernama